



Headline	7 cadangan PSC akan dilaksana		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	20 Jan 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,394
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,577



7 cadangan PSC akan dilaksana

KUANTAN 19 Jan. - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bersetuju melaksanakan tujuh daripada 10 cadangan diberikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, tiga lagi cadangan iaitu melibatkan pengundi luar kawasan, pertukaran kawasan pendaftaran dan pengundi tidak hadir yang berada di luar negara masih dalam kajian SPR.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas taklimat kepada Pegawai Pengurus dan Penolong Pegawai Pengurus untuk persiapan PRU-13 hari ini.

Katanya, bagi cadangan ketelusan proses mengundi, pihaknya akan membenarkan mereka yang dipercayai oleh pengundi kurang upaya untuk membantu menanda kertas undi.

"Namun, ia mesti dengan syarat bahawa orang yang akan membantu pengundi berkenaan mestilah warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun ke atas.

INFO

- Penggunaan dakwat kekal.
- Pengundian awal polis/tentera serta pasangan.
- Memanjangkan tempoh pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan (14 hari).
- Pemansuhan proses bantahan dan tempoh penarikan diri pencalonan.
- Pembersihan daftar pemilih.
- Ketelusan proses mengundi.
- Pengukuhan SPR.

Selain itu, kita juga akan melihat semula susun atur tempat mengundi," jelasnya.

Menurutnya, SPR telah mengemukakan senarai 12.4 juta pengundi berdaftar kepada MIMOS Berhad untuk tujuan pembersihan data pemilih awal bulan ini.

"Kami tidak menetapkan tarikh akhir kepada MIMOS tetapi kami harap ia akan selesai sebelum laporan akhir PSC dibentangkan di Parlimen Mac ini," katanya.